

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

Uniknya Hubungan Adik-Beradik

Oleh:

Nor Hidayah Binti Harun

Nor Fadzilah Binti Zainal

Siti Nur Fathini Binti Muhsain

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Pulau Pinang

Photo by Jess Zoerb on Unsplash

122

Uniknya hubungan Adik-Beradik

eISSN 2600-9811

Hubungan adik-beradik sememangnya telah diciptakan oleh Allah SWT sebagai hubungan yang istimewa. Tiada adik-beradik yang tidak pernah bergaduh. Kata orang, adik-beradik yang selalu bergaduh waktu kecil itulah kelak bila terpisah akan terasa sunyinya. Tidak mengapa jika bergaduh waktu kecil kerana kanak-kanak masih tidak tinggi egonya. Mereka cepat memaafkan, tidak seperti orang dewasa. Kata orang, adik-beradik yang selalu bergaduh waktu masing-masing sudah dewasa adalah seperti kanak-kanak yang belum matang. Ada adik-beradik yang tidak mahu saling memaafkan untuk tempoh yang lama. Ini tidak lah sepatutnya berlaku kerana ianya mengundang keresahan hati ibu dan ayah serta kemurkaan daripada Allah SWT. Sesama adik-beradik adakala kita mengumpat, kita diumpat, kita mengata atau pun kita dikata. Tapi tak suka macam mana pun, bila adik beradik diuji dengan kesedihan, kesusahan, hati tak suka pun bole sebab sama. Sebab apa? sebab banyak kenangan indah yang dicipta bersama. Paling indah lagi rumah pertama kita adalah rahim yang sama. Darah yang mengalir itu adalah sama meskipun cara fikir

berbeza, tapi hati tetap sama sayangnya. Adik-

beradik yang sedarah inilah walaupun bermasam muka tapi dalam diam kita dan dia memaafkan dosa mengumpat mengata biarpun setinggi gunung. Kita boleh mengata adik-beradik kita, tapi kita tak boleh dengar orang mengata mereka. Itulah hubungan unik adik-beradik. Tidak sama dengan yang tidak ada hubungan darah dengan kita, walaupun dia adalah pasangan kita atau sanak-saudara kita. Apatah lagi yang bukan asalnya daripada keluarga kita. Darah tak sama, cara fikir memang banyak beza, jadinya lidah kita kena jaga.

Memang sengaja Allah SWT hadirkan insan-insan yang perilakunya tak kena dengan kita, tapi Allah SWT bukan sengaja bagi kita lidah, hati untuk kita berkata dan berbuat apa saja. Mengata, mengumpat dosanya boleh bawa sampai ke akhirat. Oleh itu kita seharusnya berhati-hati dalam berkata-kata. Eloklah berdiam diri sahaja sekiranya perkataan kita boleh memberi luka kepada yang mendengarnya. Begitu juga di dalam hubungan

“Darah yang mengalir itu adalah sama meskipun cara fikir berbeza, tapi hati tetap sama sayangnya.”

bersama adik-beradik kita. Jagalah hubungan dengan sebaiknya kerana adik-beradik serahim ini tiada galang gantinya. Tidak perlu menyimpan marah lama-lama dan tak perlu berdendam sehingga ke hujung nyawa kerana kebaikan yang kita berikan kepada adik-beradik serahim ini lebih besar fadhilatnya. Membantu meringankan beban mereka itu lebih diutamakan daripada membantu orang lain yang dalam kesusahan. Ya Allah, jagalah hubungan adik-beradik kami dan kumpulkan kami bersama Nabi Muhammad SAW kekal di Syurga Mu. Aamiin.



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com